

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/12/2018

# 'Tunaikan janji jika mahu kekal mandat'

BH - 20/12/2018  
m/s: 2

➔ PM beri peringatan Kerajaan PH laksana manifesto pilihan raya

Oleh Veena Babulal dan Rizanizam Abdul Hamid  
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan perlu mengotakan janji yang dibuat kepada rakyat jika mahu terus dipercayai dan kekal mendapat mandat daripada mereka.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memberi peringatan itu apabila merujuk pada

kegagalan Pakatan Harapan (PH) untuk melaksanakan janji pilihan rayanya.

Beliau berkata, apabila kerajaan tidak lagi dipercayai, maka ia akan ditolak oleh rakyat, yang seterusnya akan melakukan apa sahaja untuk menyingkirkannya.

"Adalah amat penting bagi kerajaan untuk dipercayai oleh rakyat dan bagi kerajaan terbabit memenuhi janjinya.

"Apabila gagal meraih kepercayaan rakyat, kerajaan yang kuat



Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pada majlis makan malam MIM di Kuala Lumpur, malam tadi.

sekali pun akan tumbang dan kerajaan sekarang amat menyedari perkara ini, tetapi maklumlah, janji yang dibuat ini adalah sebelum kami berkuasa," katanya.

### Berusaha sebaik mungkin

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada majlis makan malam Institut Pengurusan Malaysia (MIM), di sini, malam tadi.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir

berkata, pihaknya membuat janji dengan tanggapan akan kalah pada pilihan raya lalu dan janji berkenaan ditujukan kepada kerajaan yang akan memerintah ketika itu.

"Jadi, jika mereka menang, mereka akan mendapati sukar untuk menunaikan janji itu.

"Nasib baik atau mungkin sebaliknya, kami menang dan sekarang, kami perlu berusaha un-

tuk menunaikan janji itu.

"Kita tidak menafikan, ada ketikanya sukar memenuhi janji ini, namun sukar atau tidak, kita mesti menunjukkan yang kita sedang berusaha sebaik mungkin bagi mencapainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, sesebuah kerajaan hanya boleh terus berkuasa jika ia boleh dipercayai.

"Jika kita mahu dipercayai, kita mesti kotakan janji kita," katanya.

[FOTO BERNAMA]